

Enggan patuhi arahan Kabinet

BH. 27 DEC 1993

PM kesal sikap

Oleh Mohd Shah Abdullah ³

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan kesal dengan sikap pemaju yang enggan mematuhi arahan Kabinet supaya menghentikan projek pembinaan bangunan tinggi di kawasan bukit, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, kata Perdana Menteri, kerajaan mungkin menggubal undang-undang baru jika perlu, bagi memastikan pemaju mematuhi arahan kerajaan kerana ia membabitkan kepentingan umum yang tidak boleh diabaikan.

Beliau menyifatkan tindakan pemaju yang enggan mematuhi arahan Kabinet Rabu lalu, berikutan tragedi pangsapuri Highland Towers runtuh, menggambarkan sikap tamak, tidak sensitif dan tidak bertanggungjawab pemaju terbabit.

"Saya rasa kesal sebab (pemaju) tidak sensitif langsung dan tidak bertanggungjawab. Mereka nampak tamak sangat," katanya kepada pemberita setibanya di Stesen Tentera Udara Diraja (TUDM) Sungai Besi, se-kembalinya dari Labuan selepas lawatan peribadi tiga hari ke Labuan.

Perdana Menteri diiringi isteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali tiba di stesen TUDM itu kira-kira jam 4.30 petang. Ketika di Labuan, beliau melawat Taman Kewangan, Taman Marina, Dataran Labuan dan Tapak Pesta Labuan.

Beliau diminta mengulas laporan semalam mengenai tindakan beberapa pemaju yang gagal mematuhi arahan dan masih meneruskan projek pembinaan bangunan di kawasan tanah tinggi.

Sebuah akhbar tempatan melaporkan, sekurangnya empat projek pembinaan di kawasan Lembah Klang masih diteruskan sehingga semalam walaupun cuti umum sempena Krismas. Anta-

ranya ialah pembinaan pangsapuri di Seputeh Permai di Taman Seputeh, di sini.

Rabu lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan keputusan Kabinet supaya semua projek bangunan tinggi di kawasan bukit, termasuk cerun dan le-reng, ditangguhkan sehingga dasar baru diluluskan.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat akan mencari jalan bagi memastikan pemaju mematuhi arahan itu, termasuk menggunakan saluran Parlimen jika keadaan memerlukan.

"Kerajaan akan mencari jalan supaya pemaju terbabit menangguhkan projek berkenaan. Kita akan cari jalan supaya dia (pemaju) berhenti. Selagi belum puas hati ia (projek) tidak berbahaya, kita tidak akan benarkan.

"Kita terpaksa buat keputusan dengan cepat. Kita tidak ada masa untuk mengkaji siapa sebenarnya berkuasa, tetapi yang penting projek berkenaan perlu dihentikan secepat mungkin," katanya.

Dr Mahathir berkata, kuasa untuk menangguhkan pembinaan projek pangsapuri itu terletak di tangan Kerajaan Pusat melalui pihak berkuasa tempatan, tetapi kedudukan undang-undang masih tidak jelas dan memerlukan kajian lanjut.

Ditanya kesan moral berikutan tindakan pemaju yang terus berdegil itu, Perdana Menteri berkata, walaupun ada pemaju yang bermoral, ada juga yang tidak bermoral sehingga menimbulkan masalah.

"Kadang-kadang pemaju tidak mengikut peraturan seperti campuran konkrit yang kadangkala tidak mengikut standard. Sebab itu kadang-kadang ada bangunan runtuh," katanya.

pemaju